



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	5/7/2019	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	KATS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Ekspor pasir sungai perlu dapat kebenaran PM - Xavier

KUALA LUMPUR 4 Julai - Hanya pasir sungai yang boleh dieksport ke negara lain tetapi perlu mendapat kelulusan daripada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Dr. A. Xavier Jayakumar berkata, terdapat empat syarat diberi lesen mengeksport pasir sungai dengan kapasiti kurang daripada dua juta tan metrik.

Kata beliau, aktiviti mengorek pasir laut di Malaysia pula hanya untuk kegunaan

dalam negara, bukan dieksport ke luar negara termasuk ke Singapura.

"Apabila Pakatan Harapan (PH) mengambil alih negara Mei tahun lalu, kita putuskan pasir laut tidak dieksport ke mana-mana negara.

"Pasir sungai pula boleh dieksport ke negara lain tetapi memerlukan kelulusan Perdana Menteri, kabinet memutuskan tetapi beliau yang perlu luluskan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Menurut dua sumber kerajaan

kepada agensi berita antarabangsa *Reuters*, Dr. Mahathir telah mengemukakan larangan ke atas semua eksport pasir laut pada 3 Oktober tahun lalu.

Xavier, yang juga Ahli Parlimen Kuala Langat, menjelaskan antara sebab utama pasir laut tidak dieksport kerana perolehan pendapatannya sangat kecil dan hasilnya perlu diserahkan kepada kerajaan negeri.

Kata beliau, pendapatan Kerajaan Persekutuan hanya melalui cukai ke atas syarikat

melalui laporan tahunan syarikat yang menjalankan aktiviti perlombongan.

"Di samping itu, hasil kajian Jabatan Mineral dan Geosains mendapati aktiviti mengorek pasir hanya boleh dilakukan dalam jarak tiga kilometer di luar pesisir pantai supaya selamat kepada alam sekitar.

"Buat masa ini kita sedang tambak tanah di Pulau Pinang dan Melaka manakala Negeri Sembilan pun dikatakan memulakan program yang sama, jadi semua kawasan ini memerlukan

banyak pasir laut iaitu kira-kira 15 juta tan," katanya.

Ketika ditanya mengenai hubungan Malaysia dan Singapura susulan keputusan tidak mengeksport pasir itu, Xavier berkata, republik itu bebas mengimport pasir dari mana-mana negara.

"Singapura boleh membeli daripada mana-mana negara yang menjual pasir jika mahu membuat penambakan, kita tiada hak untuk halang mereka atau negara-negara lain berbuat demikian," katanya.